

Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKHBAR ANDA

ISNIN, 26 APRIL, 1982

MENUNAIKAN JANJI MENGOTAKAN KATA

RENCANA PENGARANG

KEMENANGAN besar Barisan Nasional dalam pilihanraya lepas telah memberi mandat baru yang lebih tegas kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Musa Hitam. Ia menunjukkan kepercayaan rakyat kepada kepimpinan mereka dan keyakinan bahawa mereka benar-benar dapat mencapainya aspirasi rakyat. Kemenangan itu juga membayangkan sokongan kuat rakyat terhadap cita-cita BN untuk mewujudkan Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah.

Kemenangan besar begini memanglah diharapkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir. Ia merupakan asas yang penting bagi sebuah Kerajaan yang kukuh. Ketika meminta mandat baru dari rakyat, beliau berkali-kali mengingatkan tentang perlunya sebuah Kerajaan yang kukuh dan bersambung bagi menjamin kelancaran pembangunan. Kerajaan yang lemah kerana suara pembangkang yang lebih kuat, tegas beliau, akan terpaksa lebih banyak

menumpukan waktu dan tenaga untuk memperteguh kedudukan daripada melaksanakan rancangan. Manifesto pilihanraya BN pula, selain mengutarakan matlamat mewujudkan Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah, juga membuat banyak janji — sebahagiannya telah terlaksana.

Rakyat telah pun memberi mandat mereka yang jelas. Dengan kemenangan yang begitu besar, Kerajaan yang kukuh juga sudah terjamin. Kerana itu wajarlah rakyat menuntut janji-janji tersebut. Tentulah pula rakyat, yang mengundi BN atau pun tidak, akan meneliti lebih halus sama ada Kerajaan baru ini akan benar-benar berjaya mengotakan kata dan menunaikan janjinya. Dr. Mahathir sendiri mengakui bahawa pengundi sekarang, terutama generasi mudanya, lebih terpelajar dan berfikiran matang.

Segala tindakan Kerajaan, perjalanan jentera pemerintahan, malah gerak-geri setiap anggota Kerajaan dan wakil-wakil rakyat akan diteliti dengan

rapi oleh rakyat selepas ini. Tentu sekali rakyat amat ingin melihat kualiti bersih, cekap dan amanah itu wujud pada peribadi tiap wakil yang mereka pilih. Semasa berkempen yang lalu soalan apakah setengah-setengah calon BN mempunyai keperibadian yang bersesuaian dengan slogan itu telah ditimbulkan. Sewaktu pilihanraya mereka bolehlah berselindung di sebalik ucapan yang berapi-api dan keperibadian Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri. Tetapi kini tidak lagi. Mereka harus hidup dengan slogan itu, dan tidak menjadi kerbau yang memalitkan lumpur kepada BN dan Pentadbiran 2M pula.

Sesungguhnya kempen selama dua minggu itu telah menaikkan semangat dan juga harapan rakyat. Mereka tidak akan begitu mudah melupakannya. Mereka juga pasti tidak mudah memaafkan sebarang kecacatan dan kelemahan jentera pemerintahan. Masa untuk berjanji sudah selesai. Kini adalah masa untuk bertindak.